UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Putuskan rantaian jangkitan COVID-19 CORONAVIRUS DISEASE 19

# PERANAN STAF TERHADAP RANTAIAN COVID-19



## KATEGORI A

Anda ialah pesakit yang telah **DISAHKAN** POSITIF COVID-19

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Anda perlu berada di hospital untuk rawatan
- Anda TIDAK DIBENARKAN kembali bertugas sehingga sembuh dan diberi pelepasan kuarantin oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia
- Sekiranya anda menjalani kuarantin di rumah, dapatkan rawatan di hospital kerajaan berhampiran dengan segera jika anda mengalami gejala jangkitan respiratori seperti batuk, sakit tekak atau demam semasa dalam tempoh kuarantin



**Anda hanya dibenarkan kembali bertugas setelah tamat tempoh kuarantin dan keputusan COVID-19 adalah negatif**

## KATEGORI B

Anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori A**

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Anda TIDAK DIBENARKAN kembali bertugas
- Patuhi tempoh kuarantin seperti yang diarahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia

**Jalani Ujian Pengesahan COVID-19 yang dibuat oleh KKM**

**Sekiranya Ujian COVID-19 ialah Positif**

- Anda ialah **Kategori A**
- Anda perlu berada di hospital untuk rawatan
- Maklumkan keputusan ujian saringan kepada Ketua PTJ dan Pusat Kesihatan/Unit Kesihatan Kampus Cawangan

**Sekiranya Ujian COVID-19 ialah Negatif**

- Jalani *Home Surveillance* selama 14 hari
- Anda tidak dibenarkan kembali bertugas sehingga diberi pelepasan isolasi oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia

## KATEGORI C

Anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori B**

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Anda TIDAK DIBENARKAN kembali bertugas
- Hubungi Pusat Kesihatan/Unit Kesihatan Kampus Cawangan dan patuhi tempoh Kuarantin/ isolasi seperti yang diarahkan

**Tunggu Ujian Pengesahan COVID-19 bagi KONTAK RAPAT INDIVIDU dari KATEGORI B yang akan dibuat oleh KKM**

**Sekiranya Ujian COVID-19 KONTAK RAPAT anda dari Kategori B ialah POSITIF**

- Anda ialah **Kategori B**
- Anda tidak dibenarkan kembali bertugas
- Anda perlu jalani ujian saringan COVID-19 di fasiliti KKM
- Maklumkan keputusan ujian saringan kepada Ketua PTJ dan Pusat Kesihatan/Unit Kesihatan Kampus Cawangan

**Sekiranya Ujian COVID-19 KONTAK RAPAT anda dari Kategori B ialah NEGATIF**

- Maklumkan keputusan saringan kepada Ketua PTJ dan Pusat Kesihatan/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan
- Dapatkan notis pelepasan isolasi dari Pusat Kesihatan/ Unit Kesihatan Kampus Cawangan
- Anda boleh kembali bertugas

## KATEGORI D

Anda ialah individu yang ada **KONTAK RAPAT** dengan individu dari **Kategori C**

atau

## KATEGORI E

Anda ialah individu yang **TIADA KAITAN** dengan Kategori **A, B, C** atau **D**

**Apa yang perlu anda lakukan?**

- Tiada halangan untuk anda kembali bertugas mengikut jadual penggiliran yang disediakan oleh Ketua PTJ
- Kekal mematuhi arahan KKM seperti penjarakkan sosial (1 meter), kerap membasuh tangan dan mengamalkan etika batuk yang baik
- Elakkan menghadiri aktiviti perhimpunan ramai
- Dapatkan rawatan di hospital berhampiran jika mengalami gejala respiratori seperti batuk, sakit tekak, sesak nafas atau demam

***Nota:*** Maksud **KONTAK RAPAT** ialah :

- Ahli keluarga serumah/ahli dari kumpulan kecil yang sama (tidur/makan bersama) dengan Kategori A
- Bersemuka lebih dari 15 minit dalam jarak kurang dari 1 meter di ruang tertutup dengan Kategori A
- Tidak bersemuka tapi bersama di dalam bilik air cond tertutup melebihi 2 jam dengan Kategori A
- Menaiki kenderaan yang sama dalam jarak 2 kerusi melebihi 2 jam dengan Kategori A

**BERSALAM** DENGAN INDIVIDU DISAHKAN POSITIF COVID-19 (KATEGORI A) **TIDAK DIKIRA KONTAK RAPAT**

*Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan*

#kitauitm